

13 OCT 2001

Mahathir-Wetland

TAMAN WETLAND PAYA INDAH, ANUGERAH KEPADA NEGARA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan Taman Wetland Paya Indah sebagai satu hadiah kepada negara oleh kerajaan dan menggesa generasi muda supaya mempelajari daripada flora dan fauna yang terdapat di sana.

"Saya berharap Paya Indah akan menjadi sebahagian daripada pendidikan untuk generasi muda membina peribadi dalam era teknologi modern dan canggih," katanya semasa merasmikan taman eko-pelancongan utama Malaysia seluas 3,100 hektar itu dekat sini hari ini.

Dr Mahathir berharap generasi muda akan belajar menyintai alam sekitar dan bagi generasi akan datang menikmati kemudahan seperti ini dengan harapan dapat memperbaiki kualiti kehidupan.

Katanya walaupun kerajaan telah membawa pelbagai pembangunan di negara ini, generasi muda percaya apa yang mereka lihat hari ini telah ada sebelum ini.

"Ramai daripada mereka berpendapat semuanya sedia ada seperti dulu," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun Taman Wetland Paya Indah terletak dekat dengan Lapangan terbang Antarabangsa KL (KLIA), Putrajaya dan Cyberjaya, taman itu milik semua.

Beliau menggesa para pelawat supaya memastikan kawasan itu sentiasa bersih bagi membolehkan orang lain menikmati alam sekitar kerana ia sebuah tempat paling sesuai untuk menikmati keindahan alam semulajadi.

Dr Mahathir juga berkata taman wetland itu merupakan tempat paling ideal bagi perkelahan keluarga dan bagi generasi muda mengadakan kegiatan seperti menunggang kuda, berdayung, berkenu dan berbasikal.

Sebagai contoh, kawasan ini merupakan tempat paling murah di dunia untuk menunggang kuda kerana ia begitu mahal di negara lain, katanya.

Dr Mahathir juga berkata taman itu merupakan tempat kehidupan spesies yang jarang ditemui seperti ikan sepanjang dua meter dari Amazon, itik dari Moscow dan empat badak air dari Bostwana.

Empat ekor badak air itu ialah pemberian daripada kerajaan Bostwana dan Telekom Malaysia menyumbang cek bernilai RM750,000 bagi pemeliharaan mamalia itu untuk selama tiga tahun.

Pengerusi Telekom Malaysia Datuk Ir. Mohamed Radzi Mansor menyerahkan cek itu kepada Dr Mahathir sementara ahli perniagaan Chua May Yoon memberikan sumbangan peribadi terbesar sebanyak RM1 juta.

Taman Wetland Paya Indah, yang diuruskan Yayasan Wetland Malaysia, dan terletak kira-kira 50km dari Kuala Lumpur, mempunyai 14 tasik dan kebanyakannya merupakan bekas lombong bijih timah dengan anggaran 43 juta liter air.

Kerajaan memberikan pinjaman sebanyak RM33.4 juta kepada yayasan itu untuk membiayai sanktuari wetland berkenaan.

Terdahulu pengerusi yayasan itu Tan Sri Razali Ismail, dalam ucapannya berkata mereka mengambil masa empat tahun untuk menjadikan taman itu satu kenyataan di tengah-tengah kawasan utama pembangunan.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada kerajaan dan Dr Mahathir, beliau berkata taman itu boleh membekalkan air bersih kepada penduduk Kuala Lumpur dan Selangor jika keadaan memerlukan.

Taman wetland itu dibuka kepada orang ramai dari pukul 8.30 pagi hingga 7.30 malam pada hari biasa dan dari pukul 7.30 pagi hingga 7.30 malam pada cuti umum dan hujung minggu. Tempat itu ditutup pada Isnin kecuali cuti

umum.

Bayaran masuk pada hari biasa ialah RM5 bagi dewasa dan RM3 bagi kanak-kanak antara 3 hingga 12 tahun.

Bagaimanapun kadar bayaran semasa cuti umum dan hujung minggu ialah RM7 (dewasa) dan RM4 bagi kanak-kanak (3-12 tahun).

Taman Wetland Paya Indah itu boleh menampung 1,300 pelawat setiap hari dan dijangka menerima kunjungan lebih 200,000 orang dalam tahun pertama.

-- BERNAMA

DC ZS RON